

# **Kesan Terapi Ruqyah Syar'iyah dalam kalangan murid hiperaktif: Satu dapatan awal.**

---

Nik Asilah binti Nik Ali  
Madhya Zhagan Ganesan PhD  
Ghazali Darusalam PhD  
Emine Ozel Eren  
Ramlan Mustafa PhD  
Universiti Malaya.

nikasilah@siswa.um.edu.my

## **Abstrak:**

Kesan terapi Ruqyah Syar'iyah dalam kalangan murid hiperaktif merupakan satu kajian yang eksklusif terhadap murid bermasalah dalam pembelajaran. Kajian ini menggunakan kerangka kajian perubatan Islam berdasarkan al-Quran, hadith, al-Asma' Ulhusna serta doa-doa pilihan. Kajian - kajian lalu dilihat Terapi Ruqyah Syar'iyah berkesan bagi merawat pelbagai penyakit rohani dan jasmani. Kajian ini cuba mengorak langkah dalam melihat sejauhmanakah kaedah ini dapat diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam mengatasi masalah tingkah laku murid hiperaktif di dalam kelas. Tujuannya antara lain untuk mengubah tingkah laku murid hiperaktif dan menjadikannya tenang dan fokus sebagai persediaan awal sebelum sesi pembelajaran dimulakan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui rekabentuk quasi experiment 1 kumpulan (pra – rawatan – pasca). Seramai 30 orang sample murid hiperaktif berumur 8-11 tahun diambil dari 3 buah sekolah rendah Program Pendidikan Khas Integrasi di sekitar negeri Selangor. Ujian pra dibuat sebanyak 3 kali sebelum pembelajaran murid dilakukan, manakala ujian pasca dibuat sebanyak 6 kali rawatan. Berdasarkan ujian paired-sampel T Test, hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan  $t(29, -14.940)$ ,  $\text{sig} = < .000$  ( $p < 0.005$ ), min ujian pra 1.67, manakala min ujian pasca telah meningkat kepada min 3.89 selepas 6 kali rawatan diberikan kepada 30 murid hiperaktif yang berumur dalam lingkungan 8 – 11 tahun. Kajian ini boleh disebarluas bagi mengatasi masalah tingkah laku hiperaktif malahan dapat digunakan juga bagi membendung masalah salah laku di sekolah biasa.

**Katakunci:** Terapi Ruqyah Syariyyah, Hiperaktif, Autisme